

25 OCT 1999

Mahathir-Kerusi

PARTI KOMPONEN BN MUNGKIN TUKAR KAWASAN SESAMA SENDIRI

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) mungkin membuat pertukaran sesama sendiri bagi kawasan yang akan ditandingi pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno berkata, jika mana-mana parti komponen BN terpaksa menggugurkan penyandang mereka bagi sesebuah kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, parti berkenaan akan diberi kawasan lain.

"Kalau satu parti itu terpaksa menggugurkan calonnya, dia (parti itu) akan diberi tempat (kawasan) lain," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada parti-parti komponen telah menentukan calon masing-masing dan sama ada akan ada sebarang perubahan pada pembahagian kerusi di kalangan mereka bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun beliau berkata BN dijangka tidak akan mengubah nisbah bilangan kerusi yang diperuntukkan kepada parti-parti komponennya.

Ketika ditanya sama ada semua 14 parti komponen akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata: "Itu mengikut keadaan sekarang."

Katanya, keadaan sekarang yang dimaksudkannya ialah mengikut bilangan kerusi yang masing-masing dipegang oleh parti-parti komponennya.

"Kita akan ikut di samping mengambil kira juga siapa yang mungkin mendapat lebih banyak sokongan daripada rakyat," kata Dr Mahathir tanpa mengulas lanjut.

BN dianggotai UMNO, MCA, MIC, Parti Gerakan, Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

-- BERNAMA

ES NMO